

## Bangunkan Jeti Swettenham

GEORGE TOWN - Kerajaan negeri bersedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) bagi membangun dan membesarkan Jeti Swettenham jika usaha itu dapat beri manfaat kepada negeri ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berkata, sebelum ini kerajaan



LIM GUAN ENG

negeri mengadakan perbincangan dengan bekas pengerusi PPC, Tan Sri Dr Chua Soi Lek untuk membesarkan jeti itu dan bersetuju untuk bekerjasama.

"Kami tak mahu jual (tanah) kerana pelabuhan adalah sebahagian penting untuk Pulau Pinang. Kami nak kekalkan kepentingan kerajaan negeri dalam pelabuhan Pulau Pinang untuk memastikan semua projek ini berjaya.

"Kami bimbang projek kerajaan persekutuan ini mungkin tidak berjaya. Kami hanya nak pastikan projek berikutnya ada kepentingan kerajaan negeri supaya kerajaan negeri boleh beri pandangan," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Pengerusi PPC, Datuk Tan Teik Cheng yang menyatakan usaha untuk membangun dan membesarkan jeti itu tidak dapat dijalankan kerana kerajaan negeri tidak meluluskan permohonan geran tanah dikemukakan PPC.

Guan Eng berkata, selepas pengerusi PPC bertukar, beliau tidak mengetahui kemajuan terkini berhubung kerjasama itu.

Justeru, beliau meminta PPC berhenti menyalahkan kerajaan negeri berhubung perkara itu. - *Bernama*